

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 JULY 2017

Najib bangga anak Felda jadi usahawan

UM-23/7/2017 Pg. 2

KUALA LUMPUR 22 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak melahirkan rasa bangga dengan pencapaian generasi muda Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) apabila semakin ramai yang menceburi bidang keusahawanan dan menjadi usahawan berjaya hasil bantuan dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Kata Perdana Menteri, beliau pasti kejayaan anak-anak Felda itu memenuhi visi ayahandanya, Tun Abdul Razak Hussein ketika menubuhkan Felda.

Menurut Najib, beliau juga berkesempatan meluangkan masa bertemu dengan pengusaha-pengusaha 'food truck' untuk membeli juadah minum petang di karnival Hari Peneroka di Putrajaya semalam.

Katanya, kebanyakan yang ditemui merupakan anak-anak Felda generasi kedua dan ketiga yang datang dari seluruh negara untuk menyambut Hari Peneroka termasuk dari Felda Semenchu, Johor; Felda Teloi Timur, Kedah dan Negeri Sembilan.

"Sesungguhnya, saya sangat berbangga melihat

Saya pasti kejayaan anak-anak Felda hari ini memenuhi visi ayahanda saya ketika beliau menubuhkan Felda."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

anak-anak Felda sekarang kerana ramai sudah menceburi bidang keusahawanan dan sudah menjadi usahawan berjaya, hasil daripada bantuan dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan.

"Saya pasti kejayaan anak-anak Felda hari ini memenuhi visi ayahanda saya ketika menubuhkan Felda," katanya menerusi blog *NajibRazak.com*, hari ini.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, beliau akan bersama warga Felda untuk menyambut Hari Peneroka di Putrajaya esok dan mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk turut sama hadir meraikan golongan tersebut yang telah menyumbang kepada pembangunan negara.